

NO. SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 17 MAC 2016 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes jenayah seksual yang melibatkan ajaran sesat sejak 1980. Apakah Kerajaan telah berjaya membendung ajaran-ajaran sesat ini. Apakah pula ajaran sesat baru yang dikesan muktakhir ini.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sentiasa peka dengan kemunculan ajaran yang menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah sama ada dibawa secara berkumpulan atau individu. JAKIM dengan kerjasama JAIN

dan agensi lain berkerjasama mengambil langkah dan menggembungkan tenaga dalam menguatkuaskan undang-undang yang berkaitan.

Sehingga kini, sebanyak **99** ajaran telah difatwakan sesat oleh negeri-negeri di Malaysia. Pada masa ini, **3** ajaran sesat yang aktif telah dikesan dan sentiasa dalam pemantauan pihak berkuasa iaitu:

- (i) Aliran Pemikiran Liberal;
- (ii) Pertubuhan Kerabat Raja Sakti (PKRS)- penjenamaan semula dari Ajaran Azhar Wahab (al-Mansur); dan
- (iii) Millah Ibrahim/ Abraham iaitu ajaran sesat yang baru dikesan dan mendapat perhatian masyarakat serta sedang dalam tindakan pihak berkuasa. Ajaran ini berasal dari Indonesia yang diketuai oleh Ahmad Mushaddeq.

Selain itu, terdapat juga ajaran yang difatwakan bukan dari akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah. Bilangan ajaran sesat yang aktif ini telah berkurangan dibandingkan tahun sebelumnya iaitu 8 ajaran bagi tahun 2009, 10 ajaran bagi tahun 2010, 8 ajaran bagi tahun 2011, 5 ajaran bagi tahun 2012 hingga 2015, dan 3 ajaran pada masa sekarang. Penurunan ini adalah kesan daripada langkah-langkah yang diambil termasuk penjelasan, pemfatwaan dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan.

Berkaitan jenayah seksual, walaupun melibatkan ajaran sesat, ia diambil tindakan di bawah Kanun Keseksuaan dan bukannya di bawah bidangkuasa Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah.

Sekian, terima kasih.